

TEKS UCAPAN**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN****NAIB CANSELOR UniMAP****SEMPENA****MAJLIS TAKLIMAT 1 CATs WILAYAH UTARA BERSEMPENA****INTERNATIONAL ENGINEERING INVENTION & INOVASI****EXHIBITION (I ENVEX 2013)****21 Mac 2013**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera Dan Salam 1 Malaysia.

1. Yang berbahagia Dr Mazalan bin Kamis
Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia
2. Yang berbahagia Pn Sharmila binti Salleh
Pengurus Kanan Yayasan Inovasi Malaysia
3. Yang berbahagia En Khairul Hazamy bin Abd Ghani
Ketua Pegawai Eksekutif PR Unggul Sdn Bhd
4. Dekan-dekan, Ketua-ketua Jabatan,
5. Para Pensyarah UniMAP, Guru-guru, Pelajar-pelajar UniMAP, UiTM, Kolej dan sekolah sekitar zon utara, Tuan-tuan dan Puan-Puan, hadirin dan hadirat sekalian.

KATA ALUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana limpah kurniaNya, dapat kita bersama berhimpun pada Majlis Taklimat 1 CATs Wilayah Utara bersempena iENVEX 2013. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Universiti Malaysia Perlis mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat datang dan ribuan terima kasih kepada seluruh hadirin kerana sudi meluangkan masa untuk hadir bagi bersama-sama mengambil manfaat dari Taklimat 1 Cats Wilayah Utara ini.
2. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yayasan Inovasi Malaysia atau YIM kerana sudi memilih Universiti Malaysia Perlis atau UniMAP sebagai rakan strategik dalam usaha mencapai matlamat organisasinya iaitu membudayakan inovasi di kalangan rakyat Malaysia.

1CATs atau INNOVATION CATALYSTS, PENGGERAK INOVASI 1MALAYSIA

3. Saya difahamkan bahawa **1CATs atau INNOVATION CATALYSTS, PENGGERAK INOVASI 1MALAYSIA** adalah merupakan satu program yang dikelolakan oleh YIM yang bertujuan memperkasakan budaya inovasi di kalangan masyarakat atas semangat kesukarelawanan.
4. Jutaan terima kasih kepada pihak YIM kerana memilih UniMAP sebagai rakan strategik. Saya memberi jaminan bahawa pemilihan UniMAP sebagai rakan strategik bagi membudayakan inovasi di kalangan rakyat Malaysia adalah sangat bertepatan. Hal ini kerana UniMAP seperti yang semua sedia maklum memang sudah lama mengambil langkah proaktif dalam memartabatkan inovasi Negara kita.

UniMAP MEMARTABATKAN INOVASI

5. Sejak dari mula penubuhan UniMAP atau KUKUM pada ketika itu, UniMAP sangat aktif melibatkan diri pertandingan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Alhamdulillah, kami berjaya meraih banyak kemenangan dan kejayaan yang saya kira sangat membanggakan bukan sahaja kepada warga UniMAP malah hingga ke peringkat Negara.

UniMAP PELOPOR MELAHIRKAN PENYELIDIK MUDA

6. Selain itu, untuk makluman para hadirin, UniMAP juga telah menjadi pelopor dan pencetus kepada perkembangan pelajar – pelajar sekolah dalam bidang inovasi dengan penubuhan ENVEX Young Researcher Club (EYReC). Kejayaan EYReC melalui penganjuran iENVEX pada setiap tahun telah terbukti setelah mereka ini meraih kejayaan bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah menyerlah sehingga ke seluruh pelusuk dunia. Ini sekaligus melahirkan ramai penyelidik di kalangan generasi muda.
7. Saya berharap menerusi taklimat yang bakal diberikan oleh Dr Mazalan Kamis sebentar lagi, objektif 1CATS untuk
 - a. Mewujudkan platform yang efektif di dalam melahirkan masyarakat berkesedaran inovasi.
 - b. Menjadi pemangkin kesedaran cara-hidup serta budaya inovasi dikalangan rakyat Malaysia.
 - c. Melahirkan ejen perubahan inovasi dikalangan masyarakat yang berterusan.

dapat direalisasikan dengan lebih mudah dan cepat.

SUKARELAWAN 1CATs

8. Menerusi 1CATs, golongan muda ataupun *youth* terutamanya para pelajar IPT yang berusia 18 tahun ke atas boleh mendaftar dan

menjadi sukarelawan. Para sukarelawan ini dapat membantu aktiviti Jejak Inovasi 2.0 yang meliputi penjejakan, penemuan dan prapengkomersilan. Mereka akan menjadi “mata dan telinga” YIM dalam memperluaskan aktiviti pembudayaan inovasi di kalangan masyarakat Malaysia.

9. Saya dimaklumkan melalui penglibatan sebagai sukarelawan ini, para sukarelawan akan menikmati pelbagai faedah terutamanya dari segi pembangunan jati diri, sahsiah dan kematangan. Ini sekaligus akan membantu persediaan mereka menghadapi alam pekerjaan nanti. 1CATs akan mendedahkan pelajar kepada kepentingan inovasi inklusif dan melalui 1CATs saya percaya akan memupuk semangat kesukarelawanan dan patriotisme yang tinggi di kalangan pelajar, membudayakan inovasi di kalangan pelajar dan membantu kelestarian budaya inovasi di kalangan pelajar.
10. Saya dimaklumakan bahawa Sukarelawan 1CATs akan menerima sijil pengiktirafan dari Yayasan Inovasi Malaysia/Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Para pelajar akan mengumpul mata ganjaran bagi setiap penyertaan program, latihan dan penglibatan dalam aktiviti, dan mata tersebut dapat ditukar dengan ganjaran-ganjaran yang menarik seperti pakej lawatan, penginapan dan peralatan ICT. Sukarelawan 1CATs juga akan dianugerahkan senioriti mengikut peringkat pencapaian, jumlah penglibatan dan tempoh penyertaan mereka, yang mana akan memperkasakan lagi penglibatan dan kedudukan mereka didalam program-program Yayasan Inovasi Malaysia.
11. Dengan itu saya ingin menyeru para pelajar sekolah, UiTM dan UniMAP agar menyahut cabaran YIM yang menyasarkan sukarelawan 1CATs akan dapat mengenalpasti 1000 inovasi akar umbi. Saya juga amat mengalu-alukan penyertaan para pelajar untuk bersama-sama

dengan YIM membangunkan inovasi secara inklusif di Malaysia. Saya difahamkan bahawa 100 sukarelawan pertama mendaftar pada hari ini akan menerima sijil penyertaan dan *goodie pack* yg menarik. Pasti ini dapat menarik pelajar untuk segera mendaftar. Kepada para pelajar yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai 1CATs, kita boleh layari laman web www.1CATs.my.

KATA PENUTUP

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, izini saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak YIM kerana sudi bekerjasama dengan UniMAP dan memilih kami sebagai rakan strategik sekaligus menjayakan majlis kita pada hari ini. Di samping itu juga setinggi ucapan terima kasih juga saya ucap kepada pihak YIM yang sudi menjadi antara penaja utama kepada anugerah-anugerah utama dalam pertandingan iENVEX 2013 tahun ini.
13. Sekalung penghargaan juga kepada rakan-rakan media dan semua hadirin yang bersama-sama dengan kami di UniMAP pada hari ini. Besarlah harapan saya agar agenda melahirkan masyarakat berinovasi terutama dikalangan generasi muda kita dapat kita realisasikan.

Dengan lafaz Bismillah Hirrahman Nirrahim saya dengan rasa sukacitanya melancarkan Program 1 CATs Wilayah Utara bersempena iENVEX 2013.

Sekian. Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.